

Bagaimana bercerita peristiwa mati pada anak2

✓ sawit/ku

UM
27.2.88
mb 15-
R 2

PERISTIWA kematian merupakan peristiwa tabii yang dihadapi oleh kanak-kanak. Peristiwa mati akan meragut orang-orang yang mereka cintai dan akan meninggalkan kesan-kesan yang begitu mendalam pada jiwa yang mungkin tidak akan hilang selama hidup mereka.

Tegasnya, peristiwa kematian merupakan satu pukulan yang teruk kepada kanak-kanak akibat tekanan dari berbagai faktor. Kita sebagai ibu bapa boleh mengurangkan penderitaan mereka kalau kita dapat memahami faktor-faktor itu, malah kita boleh menyelamatkan mereka dari kegelisahan dan kemeranan jiwa yang mungkin berkekalan seumur hidup mereka.

Tiap kanak-kanak tidak semuanya sama dalam tidak-tanduk menghadapi peristiwa kematian itu. Mereka menerima tragedi kematian dengan kedudukan yang berlainan menurut kepentingan hidup yang difikir oleh mereka.

Cara kanak-kanak melahirkan perasaan duka nestapa kadang-kadang hampir sama dengan cara orang-orang dewasa iaitu kadang-kadang mereka menangis tersedu-sedu yang menyayat hati, kadang-kadang mereka diselubungi oleh perasaan putus asa dan sedih duka.

Kadang-kadang mereka cukup sedar kepada nasib mereka bahawa mereka kini telah kehilangan kasih yang dari orang yang pergi itu, kadang-kadang dia bersikap tidak mahu percaya kepada peristiwa kematian yang telah berlaku itu. Oleh sebab itu, mereka cuba mereka alasan

- alasan fantasi yang jauh dari bumi kenyataan.

Kanak-kanak yang berumur tujuh atau lapan tahun umpamanya mungkin menafikan kematian ibunya dan merekakan alasan-alasan dengan cerita-cerita seperti 'Mak pergi ke rumah orang, sekejap lagi dia nanti balik' atau 'Mak pergi jauh beli barang' dan sebagainya dari alasan-alasan fantasi.

Kadang-kadang tekanan penderitaan batin kanak-kanak itu menyebabkan mereka mengigau waktu malam dan termangu-mangu mengelamin di hari siang. Kadang-kadang mereka tidak lalu makan dan kadang-kadang mereka menaruh dendam dan benci terhadap orang-orang yang tidak berdosa seperti doktor dan sebagainya yang dianggap mereka sebagai orang-orang yang bertanggungjawab atas kematian orang yang mereka cintai itu.

Kadang-kadang kanak-kanak yang kecil itu dapat menerima peristiwa kematian kerabat-kerabatnya dengan begitu tenang seolah-olah tidak peduli sehingga peristiwa itu tidak menimbulkan apa-apa perubahan pada tingkah-lakunya, malah dia dapat meneruskan permainan-permainan dan kegiatan-

kegiatan hidupnya seperti biasa seolah-olah tidak ada peristiwa apa yang berlaku kepadanya.

Peristiwa mati pada pandangan kanak-kanak merupakan satu peringkat bawah hidup ini sentiasa mengandungi bahaya dan mala petaka yang mengancam nyawa mereka dan nyawa orang-orang yang mereka cintai. Peristiwa mati merupakan satu pukulan yang menghancurkan perasaan keamanan diri yang dinikmati selama ini.

Kanak-kanak yang bersikap tidak mahu percaya kepada peristiwa maut yang berlaku kepada orang-orang yang mereka cintai itu adalah pada hakikatnya merupakan satu percubaan mereka untuk mengembalikan semula perasaan keamanan diri yang telah dihancurkan oleh peristiwa kematian itu.

Kanak-kanak kecil yang berusia bawah enam tahun biasanya tidak dapat memahami proses keberhentian tubuh badan manusia dari menjalankan kegiatan ketika mati. Oleh itu mereka sering mengemukakan soalan-soalan seperti: "Dia (orang mati) makan apa dan macam mana dia makan?" atau "Apa dia buat bila buai tu?" atau

"Dia pakai bajukah bila hendak tidur?"

Jawapan-jawapan yang kita beri kepada mereka sebenarnya tidaklah memuaskan hati mereka, kerana pertanyaan-pertanyaan seperti itu adalah semata-mata satu percubaan mereka untuk menyamakan kelakuan-kelakuan orang yang telah mati itu dengan kelakuan-kelakuan orang yang hidup dengan tujuan untuk menafikan atau meniadakan atau peristiwa maut itu. Dan dengan ini dapatlah mereka mengembalikan semula perasaan kebanggaan dan kepentingan diri yang telah dihancurkan oleh peristiwa maut itu.

Kanak-kanak yang menaruh kebencian kepada doktor yang telah mengubat si mati atau kepada hospital tempat meninggalnya si mati adalah sebenarnya merupakan percubaan mereka untuk menari satu alasan yang cukup bererti kepada mereka. Pada mereka alasan tersebut dapat meletakkan kesalahan kematian itu di atas pihak-pihak yang tertentu, bukan di atas kematian sendiri kerana dia juga tahu bahawa dia tidak dapat melawan kematian itu.

Kanak-kanak yang men-

derita akibat peristiwa kematian seperti selalu mengigau malam, hilang selera makan, tidak lena tidur dan takut ditinggalkan seorang diri kadang-kadang merupakan tanda-tanda yang membayangkan perasaan takut dan bimbang bahawa mereka akan turut disambar maut seperti si mati itu.

Kadang-kadang penghidapan yang seumpama itu boleh jadi disebabkan oleh tekanan perasaan merasa bersalah terhadap kelakuan-kelakuan mereka yang tidak senonoh yang sering menyusahkan si mati itu semasa hidupnya.

Setelah kita dapat menyalami pendirian dan perasaan kanak-kanak dalam menghadapi peristiwa mati, adakah amat perlu sekali kita cuba memahami kewajipan-kewajipan yang harus dilakukan oleh ibu bapa atau kaum kerabat untuk menolong kanak-kanak menghadapi peristiwa kematian itu.

a) Kita harus menanamkan kepercayaan pada kanak-kanak itu bahawa dia sana masih ada ramai orang lain lagi yang sayangkan atau yang boleh menjadi tempat dia menumpangkan kasih sayang walaupun orang yang dia sayangi selama ini sudah pergi buat

selama-lamanya.

b) Kita harus menolong kanak-kanak ini mengembalikan semula perasaan keamanan dengan melatihnya menerima peristiwa kematian itu dengan baik dan jangan membiarkan dirinya hanyut dibawa oleh perasaan duka nestapa. Namun, kita jangan mengharapkan kanak-kanak menerima peristiwa kematian seperti orang dewasa, kerana peristiwa itu telah menggonggongkan semangat kepercayaan pada dirinya dan telah menurunkan harga dirinya.

Selanjutnya kita harus menjauhi perbuatan menanamkan fikiran yang salah pada kanak-kanak seperti mengatakan kepada mereka, "kalau awak tidak berhenti menangis, awak akan dapat sakit dan terus mati" atau "ayah awak yang mati itu tidak akan senang melainkan kalau awak buat begini, begini..." dan sebagainya. Kata-kata yang seperti ini sebenarnya tidak perlu, malah akan menambah buruk lagi penderitaan kanak-kanak. Kadang-kadang boleh mendalamkan lagi sangkaan-sangkaan yang karut bahawa mereka juga tidak lama lagi akan disambar maut.

c) Seperkara yang perlu

diingat oleh ibu bapa dan semua kaum kerabat ialah mereka harus memberi peluang kepada kanak-kanak melahirkan perasaan dukanya. Memang benar bahawa suara tangis kanak-kanak dalam peristiwa kematian itu begitu menyayat hati, tetapi perbuatan menghalangnya dari turut berduka adalah bererti menghalangnya dari menyatakan perasaan kasih sayang terhadap si mati itu.

Oleh sebab itu, kita harus mengerti dan menghargakan perasaan dukanya itu, malah kita harus memberi peluang kepadanya agar dia dapat melahirkan seluruh perasaan amnya dengan bebas dan kita harus mendengar dengan penuh simpati.

Di samping itu kita jangan lupa bahawa kanak-kanak kecil itu belum begitu sedar tentang pengertian masa. Di sinilah kita dapat memainkan peranan menyedarkan mereka bila masa kian berlalu bahawa kedukacitaan yang dilahirkan mereka selama ini sudahlah cukup dan sudahlah sampai waktunya untuk kembali bergiat dalam kehidupan seperti biasa.